



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 23 JUN 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	42 PENYU MATI DALAM 5 BULAN, LOKAL, HARIAN METRO - 7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	REVOLUSI SENYAP DI CERUK KAMPUNG, BISNES, SINAR HARIAN - 31	BANK PERTANIAN MALAYSIA (AGROBANK)
3.	NAIKKAN CUKAI ROKOK, ARAK, JUDI DAN KELUARKAN BUAH IMPORT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 3	LAIN-LAIN
4.	PENIAGA UTAMAKAN TELUR GRED B, C SEBAB FAKTOR PERMINTAAN, LOKAL, HARIAN METRO – 6	
5.	PERTIMBANG WAJIBKAN TERNAKAN DIPASANG KOD QR, NEGERI, SINAR HARIAN – 23	
6.	TINGKAT PROGRAM KEDOKTORAN VETERINAR, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA – 12	
7.	CUKAI BUAH-BUAHAN IMPORT PERLU ADIL, TIDAK MEMBEBAHKAN, FORUM, UTUSAN MALAYSIA – 27	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/6/2025	HARIAN METRO	LOKAL	7

42 penyu **mati** dalam 5 bulan

Kebanyakan bangkai dijumpai terdampar di pantai atau diikat guna batu dipercayai dibunuh

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Kuala Berang

Dalam lima bulan ini, 42 penyu direkodkan mati oleh Jabatan Perikanan Terengganu, kata Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Datuk Dr Azman Ibrahim.

Menurutnya, kebanyakan penyu yang mati ini dijumpai terdampar di pantai, dengan kesan kecederaan dan ada yang diikat menggunakan batu dipercayai dibunuh.

"Sebab itu penyu yang dijumpai itu kadang-kadang ada

kesan tali, jadi kalau kita boleh simpulkan, ia adalah hasil daripada

perbuatan tangan-tangan manusia.

"Punca lain macam termasuk makan plastik, makan penyedut minuman, macam yang biasa kita dengar itu tidak begitu ketara sangat.

"Ia lebih kepada tangan-tangan manusia dan kita pun hendak melakukan tangkapan pun agak sukar," katanya pada sidang media pada Program Pelepasan Benih Ikan, Penyerahan Bantuan Per-

alatan dan Inisiatif Input Akuakultur serta Pelancaran Kajian Penandaan Peralatan Menangkap Ikan Darat, di Sungai Terengganu dekat Kampung Temir, di sini, semalam.

Menurutnya, Jabatan Perikanan kerap mengadakan operasi termasuk operasi pukut pari di pangkalan nelayan dengan tumpuan di beberapa daerah yang tinggi ke-

matian penyu seperti di Kemaman dan Dungun.

Katanya, mereka yang ditangkap melakukan perbuatan demikian boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Perikanan 1985 selain, kerajaan juga menguatkuasakan Enakmen Pemuliharaan Penyu 1951 pindaan 2021.

"Matlamat kita mence-

gah, kalau sebelum pindaan 2021, hukuman sangat ringan namun sekarang ini kita menaikkan kadar denda dan sebagainya, dengan harapan hukuman menjadi satu pencegahan kegiatan merosakkan marin di Terengganu," katanya.



DR Azman Ibrahim (lima dari kiri) melepaskan benih anak ikan Program Pelepasan Benih Ikan, Penyerahan Bantuan Peralatan dan Insentif Input Akuakultur serta Pelancaran Kajian Penandaan Peralatan Menangkap Ikan Nelayan Darat di Kampung Temir, Kuala Berang, semalam. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

Revolusi senyap di ceruk kampung

Agrobank perintis penggunaan digital dalam kalangan penduduk di kawasan terpencil

Oleh AHMAD SYAHRUL DERAUH
KOTA BHARU

Mungkin ramai tidak tahu, di sebalik landskap hijau dan tenang kawasan pedalaman Kelantan, tersembunyi sebuah revolusi digital yang sedang rancak berkembang.

Selamat datang ke Sri Tanjung, sebuah perkampungan nelayan di Tumpat yang kini berubah wajah menjadi destinasi ekopelancongan terkemuka di Pantai Timur.

Perjalanan ke sini memerlukan sedikit usaha, dari Kota Bharu menaiki bot selama 15 hingga 20 minit dari Jeti Kuala Besar.

Antara tarikan utamanya ialah Pasar Terapung di Teluk Renjuna yang mula beroperasi sejak 2022.

Dibuka setiap Jumaat dan Sabtu, menerima sehingga 2,000 pengunjung sehari yang datang menikmati suasana unik sambil membeli makanan serta minuman dijual penduduk kampung.

Tapi jangan terkejut, walaupun suasana kampung tradisional seperti filem klasik zaman dahulu, urusan niaga di sini jauh daripada sistem kuno. Setiap gerai dilengkapi kod QR, membolehkan orang ramai, khususnya pelancong membayar secara tanpa tunai. Ia bukan lagi angan-angan digital, ini realiti luar bandar hari ini.

Inisiatif hebat itu dipacu oleh Agrobank yang menjadi peneraju dalam membawa transformasi digital ke kawasan luar bandar.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, penggunaan DuitNow QR Agrobank adalah sebahagian agenda nasional e-Duit Desa yang digerakkan Bank Negara Malaysia.

"Di Malaysia, terdapat kira-kira 230,000



Sri Tanjung kini menjadi wilayah Agrobank dalam meningkatkan ekonomi penduduk.

pesawah dan 86,000 nelayan, majoritinya tinggal di luar bandar.

Kita mahu mereka tahu bahawa transaksi digital ini lebih cepat, mudah dan selamat," katanya kepada *Sinar Harian* selepas merasmikan Wilayah Agrobank Pulau Sri Tanjung. Tumpat baru-baru ini yang turut dihadiri Pengerusi Agrobank, Datuk Yunus Abd Ghani.

Perkasa kesedaran digital

Untuk tempoh tiga tahun akan datang, Tengku Ahmad Badli Shah berkata, Agrobank memperuntukkan RM18 juta demi memperkasakan infrastruktur dan kesedaran digital dalam kalangan pelanggan.

Tambah beliau, hasilnya sudah mulai kelihatan apabila sejak tiga tahun lalu, penggunaan perkhidmatan digital pelanggan meningkat lebih 200 peratus.

Namun begitu, katanya, cabaran tetap ada kerana sekitar 10 hingga 20 peratus

dariapan kumpulan sasar kebanyakannya pesawah dan nelayan masih belum celik digital terutama warga emas yang lebih selesa dengan urusan secara fizikal.

"Ada yang tidak tahu guna mesin ATM, apatah lagi kod QR. Jadi, peranan kita membantu, beri tunjuk ajar dan yakinkan mereka. Sasaran kita, dalam tempoh tiga tahun, 40 peratus pengguna kaedah lama akan beralih ke digital," katanya.

Agrobank turut berdepan cabaran dari segi liputan internet, namun menurut beliau, keadaan semakin baik di Semenanjung, manakala untuk kawasan lebih terpencil di Sabah dan Sarawak, Agrobank mengambil langkah susulan.

"Antaranya memasang lapan unit Starlink, internet satelit berkelajuan tinggi menggunakan rangkaian satelit orbit rendah.

"Pada masa sama, Agrobank juga tidak pandang ringan soal keselamatan. Sistem perbankan kita dikawal selia menerusi pelaksanaan Pengurusan Risiko Teknologi (RMiT) setiap tiga hingga enam bulan.

"Kita nilai semua bentuk risiko, dalaman

REAKSI

“

Penggunaan kod QR bukan sahaja memudahkan bayaran, tetapi peniaga dapat tengok rekod transaksi keluar masuk duit dengan lebih tepat.”



- Ahmad Fathil Othman, 51, peniaga kraf tangan batik

“

Mula-mula susah nak faham cara digital ini tapi sekarang tak serabut lagi nak fikirkan urusan jual beli terutama masalah pertukaran duit kecil.”



- Zainab Mamat, 65, peniaga makanan dan minuman



Walaupun kedudukan Sri Tanjung terpencil, namun ia sudah jauh ke hadapan dalam penggunaan digital.



Seorang peniaga pasar terapung menunjukkan kod QR yang memudahkan orang ramai untuk membuat pembayaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/6/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Naikkan cukai rokok, arak, judi dan vape dan keluarkan buah import

APABILA kerajaan mencadangkan buah-buahan import dikenakan cukai jualan dan perkhidmatan (SST), berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025, ia menimbulkan kemarahan sebahagian rakyat.

Seorang pengusaha rangkaian kompleks runcit mengangapnya tidak masuk akal. Di dunia siber, perdebatan mengenainya mencapai tahap tertinggi. Buah-buahan sudah menjadi makanan harian, tanpa mengira kategori rakyat.

Malaysia juga adalah pengimport makanan. Pada tahun 2024, Malaysia mengimport makanan mencecah RM 78.7 bilion. Malaysia bergantung kepada daging kambing dan biri-biri, daging lembu dan kerbau, susu dan sotong.

Nisbah kebergantungan import (IDR) menunjukkan negara hampir 89.6 peratus bergantung kepada import untuk kambing pada 2023 import mencapai 36,852 tan pada 2023.

Malaysia juga mengimport jumlah yang besar untuk epal dan mangga yang tinggi.

Begitu juga penggantungan kepada import bawang besar, bawang kecil, bawang putih, epal, halia, cili, sotong dan susu segar. Pengeluaran beras negara yang menurun menyebabkan negara mengimport 1.3 juta tan makanan harian itu pada 2023.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Zahid Hamidi turut memberi jaminan untuk mengkaji mengenai SST 5 peratus terhadap buah-buahan import.

Apa yang mungkin tidak difikirkan buah-buahan Malaysia kebanyakan bermusim. Harganya tidak semurah buah import. Durian musang king mencecah RM70 sebiji sedangkan seseorang boleh membeli satu kotak epal pada harga kurang RM70.

Mangga Malaysia hanya layak untuk dibuat jeruk atau dijual di tepi jalan. Adakah sesiapa pernah bertanya harga manggis dan cempedak hari ini? Mungkin golongan 'have have' merasakan ia tidak membebankan tetapi realitinya, buah tempatan lebih mahal.

Kerajaan juga tidak salah. Hasil cukai negara hanya 12.5 peratus daripada keseluruhan keluaran dalam negara kasar. Untuk berdekad lamanya, negara membiarkan golongan tertentu 'dibebaskan dan dilepaskan' daripada tindakan pencukaian.

Mereka meraih kekayaan tetapi tidak membayar cukai. Ekonomi gelap yang beroperasi tanpa cukai juga bernilai berbilion ringgit. Penguatkuasaan lemah di sempadan dan pintu masuk menyebabkan nilai cukai berbilion ringgit terlepas daripada 'kantong' kerajaan.

Malaysia juga pemberi subsidi besar, mungkin antara terbesar di dunia. Masalah dengan subsidi ia menggunakan wang pembayar cukai. Lebih buruk subsidi menjadikan harga sebenar barangan 'tidak sebenar' dan mendorong kepada *artificial* pendapatan yang juga menyebabkan gaji terus tertekan rendah kerana harga barangan adalah 'harga tipu dengan subsidi'.

Kerajaan harus mencari wang. Peluasan SST yang dijangka bermula 1 Julai ini akan membantu kerajaan meraih pendapatan RM10 bilion setahun, jumlah yang besar bagi ekonomi negara.

Putrajaya boleh menimbang mengeluarkan buah import daripada senarai SST dan sebaliknya menaikkan cukai untuk rokok, arak, judi, barangan vape dan curut. Ini semua dikatakan 'sin tax' dan mereka yang mahu menikmati barang itu perlu membayar lebih. Mungkin akan kurang perokok, kaki mabuk yang melanggar orang dan keluarga yang bercerai berai kerana suami kaki nombor ekor.

Mohamad Azlan Jaafar adalah Pengarang Kumpulan Media Mulia Mulia Sdn. Bhd.

Peniaga utamakan telur gred B, C sebab faktor permintaan

Kuala Lumpur: Bukan semata-mata soal harga, sebaliknya faktor permintaan pelanggan dan ketahanan telur menjadi antara sebab utama peniaga lebih gemar menjual telur ayam gred B dan C berbanding gred A atau gred lebih tinggi.

Tinjauan Harian Metro semalam susulan laporan mengenai ketidakstabilan bekalan telur mendapati ada premis jualan bo-
rong dan runcit sekitar ibu negara hanya menyimpan stok telur gred B dan C kerana memberikan sebab ia lebih mudah laris, tahan lama dan tidak mudah rosak.

Kakitangan premis pem-

borong di Lorong Haji Hussein di sini, Nor Salimah Saliman, 21, berkata, pihaknya hanya menyimpan tiga jenis telur iaitu gred B, C dan D kerana permintaan terhadap gred itu jauh lebih tinggi.

"Telur gred A memang kami sudah tak ambil lang-
sung sebab selain kurang permintaan, kami turut terima aduan ia juga cepat rosak. Apabila simpan lama sikit, kuning telurnya jadi berair dan bila goreng boleh menyebabkan mi-
nyak memercik.

"Pelanggan lebih suka gred B dan C kerana saiznya sederhana, tidak mahal dan tahan lama. Se-



NOR Salimah

takat ini bekalan berjalan lancar setiap hari, jadi kami biasanya kekalkan stok gred itu saja," kata-
nya.

Ditanya kesan subsidi



HAIRI

telur akan ditarik sepe-
nuhnya mulai Ogos depan,
katanya, buat masa ini pi-
haknya mengekalkan har-
ga dan sebarang peruba-
han harga akan datang

akan ditentukan kemudi-
an.

Sementara itu, peniaga runcit di Pasar Jalan Raja Bot, Hairi Ismail, 42, turut memberitahu dia hanya menjual telur gred B dan C kerana dua gred itu paling tinggi permintaan dalam kalangan pelanggan biasa serta pengusaha kedai ma-
kan.

"Gred B dan C senang dapat dan stoknya jalan ce-
pat. Kalau gred A pula, ka-
dang-kadang susah dapat,"
katanya.

Menurut Hairi, harga te-
lur gred B yang dibelinya
baru-baru ini sudah naik
daripada RM9.80 kepada

RM10.80 sepan dan di-
jangka terus meningkat
sedikit demi sedikit men-
jelang Ogos.

"Kita peniaga ikut saja
harga daripada pembor-
ong. Bila subsidi tiada lagi
nanti, logiknya memang
akan naik lagi. Itu yang kita
tunggu dan bersedia sa-
jalah," katanya.

Berdasarkan tinjauan,
terdapat perbezaan harga
jika dibandingkan ketika
awal Mei lalu iaitu telur
gred AA kini dijual pada
harga RM13.80 (naik da-
ripada RM13.20).

Gred B pada RM10.80
(naik daripada RM9.30)
dan gred C pada RM9.90
(naik daripada RM9).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/6/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	23

Azman (dua dari kanan) menunjukkan kod QR yang dipasang pada peralatan menangkap ikan nelayan.



Pertimbang wajibkan ternakan dipasang kod QR

Enakmen baharu itu akan memudahkan pihak berkuasa mengesan pemilik haiwan

Oleh NORHASPIDA YATIM
HULU TERENGGANU

Kerajaan Terengganu akan menggubal enakmen baharu bagi mewajibkan pemilik ternakan mendaftarkan dan memasang kod respons pantas (QR) pada haiwan sebagai langkah mengatasi isu ternakan berkeliaran yang berlarutan sejak sekian lama.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi, Datuk Dr Azman Ibrahim berkata, enakmen baharu yang akan dikenali sebagai Enakmen Kawalan Ternakan Ruminan itu meliputi ternakan jenis lembu, kambing serta kerbau.

Menurutnya, pelaksanaan sistem itu akan memudahkan pihak berkuasa mengesan pemilik haiwan, sekali gus dapat mengatasi masalah haiwan tanpa kawalan yang sering mengundang risiko kemalangan dan memusnahkan tanaman penduduk.

"Haiwan ternakan yang dibiarkan berkeliaran tanpa tuan ini ibarat seperti kenderaan di atas jalan raya yang tiada pemilik, tidak ada nombor plat atau tidak berdaftar.

"Dengan pendaftaran dan tag (kod QR) yang sah, kita akan tahu siapa pemilik haiwan terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang akhbar Program Pelepasan Benih Ikan, Penyerahan Bantuan Peralatan dan Insentif Input Akuakultur serta Pelancaran Kajian Penandaan Peralatan Tangkapan Nelayan Darat di Sungai Terengganu dekat Kampung Temir di sini pada Ahad.

Katanya, langkah itu dilihat sebagai penyelesaian jangka panjang

terhadap isu haiwan ternakan berkeliaran yang dilihat membahayakan pengguna jalan raya.

"Masalah ini bukan baharu, sudah wujud sejak sekian lama. Jika kita masih berlembut, mungkin 10 hingga 20 tahun akan datang pun belum tentu selesai. Kini sudah tiba masanya untuk kita lebih bertegas dalam hal ini," katanya.

Jelas Azman, di bawah enakmen yang dicadangkan itu, haiwan yang tidak berdaftar atau tidak memiliki tag kod QR boleh disita atau dilelong oleh pihak berkuasa.

"Undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan (PBT) sedia ada hanya membenarkan penangkapan haiwan berkeliaran, namun kuasa lebih besar perlu diwujudkan untuk mengawal selia sektor penternakan secara menyeluruh," tegasnya.

Azman berkata, pemasangan kod QR terhadap haiwan ternakan telah dikuatkuasakan di Melaka dan ia terbukti berkesan dalam mengawal pergerakan haiwan.

"Kerajaan kita kini sedang mengkaji daripada segenap aspek bagi membolehkan pelaksanaan enakmen ini. Ia perlu digubal terlebih dahulu di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) sebelum melalui proses pelaksanaan.

"Cadangan ini juga masih di peringkat awal dan akan dikemukakan secara rasmi selepas melalui semua perbincangan serta saluran undang-undang yang sewajarnya," katanya.

Terdahulu, Azman menyempurnakan pelepasan 33,000 benih ikan terdiri daripada lampam sungai, baung sungai termasuk udang galah bernilai RM9,500 di sungai tersebut.



Penggubalan enakmen baharu dilihat sebagai penyelesaian jangka panjang terhadap masalah haiwan ternakan berkeliaran terutama di jalan raya, sekali gus membahayakan nyawa orang ramai.



DENGAN bilangan doktor veterinar yang ada sekarang tidak sampai 3,000 orang, Malaysia perlu menggandakan bilangannya.

Tingkat program kedoktoran veterinar



AHMAD
ISMAIL

ISU keterjaminan makanan, penternakan haiwan ruminan dan ayam itik, pemuliharaan hidupan liar, penyakit zoonotik, haiwan peliharaan, dan lain-lain berkaitan haiwan, mendesak program kedoktoran veterinar dan sains haiwan dalam negara di tambah baik segera. Buat masa ini, program kedoktoran veterinar hanya ditawarkan di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Ada juga program berkaitan sains haiwan peringkat diploma ditawarkan, seperti kesihatan haiwan dan penternakan, bagi menampung kerjaya berkaitan haiwan penternakan dan haiwan peliharaan.

Program yang ada sekarang masih tidak mencukupi dan tidak mampu memenuhi permintaan perkhidmatan veterinar. Dengan bilangan doktor veterinar yang ada sekarang tidak sampai 3,000 orang, Malaysia perlu menggandakan bilangannya. Kemampuan mengeluarkan doktor veterinar seramai 130 ke 140 setahun perlu disemak. Malaysia jauh ketinggalan dari segi bilangan doktor veterinar berbanding negara-negara lain seperti Indonesia seramai 20,000 orang, Australia lebih 15,000 orang, China 400,000 orang, lebih 90,000 orang di Amerika Syarikat, hampir 10,000 orang di Thailand, dan lebih 150,000

orang di Brazil. Selama lebih 50 tahun UPM menjalankan program kedoktoran veterinar, masih belum mencapai sasaran negara.

Pemintaan kerjaya sebagai seorang doktor veterinar di Malaysia semakin meningkat memandangkan bidangnya yang amat luas, bukan sahaja terhad kepada haiwan peliharaan yang disimpan dalam kurungan tetapi juga haiwan liar dan haiwan ternakan. Malaysia memerlukan doktor veterinar yang berkualiti untuk perkhidmatan terbaik.

Penyakit zoonotik adalah penyakit yang boleh berjangkit dari haiwan kepada manusia atau sebaliknya disebabkan oleh bakteria, virus, parasit dan kulat. Antara penyakit zoonotik yang terkenal adalah rabies, selesema burung, malaria dan zika yang boleh menjangkiti secara langsung atau tidak langsung.

Pemencilan hutan, interaksi manusia dengan haiwan liar dan haiwan peliharaan secara langsung atau tidak, mendedahkan manusia kepada penyakit zoonotik. Haiwan seperti pelbagai spesies burung, tikus, kera, tupai dan musang yang sudah pun beradaptasi dengan habitat manusia juga memberikan tekanan baharu.

Kepentingan doktor veterinar bagi haiwan besar seperti haiwan ternakan dan kuda sangat diperlukan. Bilangan mereka semakin berkurangan. Doktor veterinar untuk haiwan kecil juga mempunyai permintaan tinggi sekarang terutama di kawasan bandar

bagi memenuhi gaya hidup semasa berkaitan haiwan peliharaan. Kesedaran tinggi dalam kalangan masyarakat dan aktivis haiwan, dalam kesihatan dan kebajikan haiwan, menambahkan lagi permintaan kepada bilangan doktor veterinar.

Perubahan lanskap habitat manusia dan haiwan liar serta gaya hidup manusia, memerlukan perhatian baharu pihak bertanggungjawab.

Berasaskan keperluan dan ketidakseimbangan ini, pihak berkaitan perlu mencari penyelesaian dengan melatih lebih ramai bakat perkhidmatan veterinar di pelbagai peringkat melalui program pendidikan yang ada atau meningkatkan aktiviti dan kualiti program pendidikan.

Program kedoktoran veterinar, ahli akademik, pegawai sokongan dan kemudahan yang ada di UPM dan UMK mesti diberikan perhatian sebagai laluan cepat penambahbaikan keperluan doktor veterinar negara.

Program galakan pembangunan bakat baharu dalam perkhidmatan veterinar boleh dikembangkan selari dengan program pembangunan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) dan TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) yang sedang dipopularkan kerajaan.

Pemintaan tinggi kepada doktor veterinar sesuai dengan pembangunan industri penternakan seperti lembu daging dan tenusu, kambing, biri-biri, babi dan

ayam yang berlaku dengan cepat. Perkembangan teknologi penternakan seperti sistem pemakanan automatik, pemantauan kesihatan, dan inovasi genetik melibatkan integrasi antara bidang dan kepakaran. Tambahan lagi dengan perkembangan kecerdasan buatan (AI) dan internet kebendaan (IoT) membuatkan bidang kedoktoran veterinar semakin mencabar.

Aplikasi ilmu asas sains haiwan, perkembangan sains moden dan teknologi dalam penternakan, penambahbaikan kesihatan dan kebajikan haiwan ternakan, produktiviti, kualiti produk, pengurusan penyakit, kelestarian alam sekitar dan kesedaran awam umumnya, memerlukan amalan perkhidmatan veterinar yang cekap dan mampan.

Bagi menyediakan nasihat penjagaan dan rawatan haiwan peliharaan yang terbaik, pusat perkhidmatan penjagaan dan kecemasan veterinar yang boleh diakses dengan mudah perlu diadakan. Haiwan yang sakit tidak seperti manusia yang boleh berkomunikasi dengan mudah apabila mempunyai masalah kesihatan.

Komunikasi dengan haiwan memerlukan latihan, kesabaran, pemerhatian dan kefahaman serta kemahiran yang tinggi. Kelakuan, tahap tekanan, pergerakan dan respon haiwan yang sakit atau tertekan adalah sebahagian daripada perkara penting yang perlu dilihat.

Hospital pakar veterinar berteknologi tinggi contohnya

perlu ada di UPM sebagai sebuah universiti yang telah terkehadapan dalam negara.

Industri penternakan ruminan dan perubahan iklim sangat berkait rapat terutamanya dalam pelepasan gas rumah hijau (GRH) di mana gas metana hasil daripada pencernaan makanan dan nitrus oksida daripada tahi haiwan. Penebangan hutan untuk kawasan ternakan juga mempengaruhi perubahan iklim apabila tiada tumbuhan untuk menyerap karbon.

Kesan perubahan iklim ke atas haiwan penternakan termasuk tekanan haba, kekurangan air, bekalan makanan terhad, penyebaran penyakit, boleh mengurangkan produktiviti sumber daging dan tenusu.

Dalam pengurusan hidupan liar, pendekatan baharu dalam program kedoktoran veterinar sangat penting apabila mengambil kira pemencilan hutan, perubahan iklim, konflik dengan manusia, pencemaran bahan kimia dan tekanan alam sekitar umumnya.

Doktor veterinar tidak hanya melihat kepada kesihatan haiwan, tetapi lebih bersepadu meliputi kesihatan ekosistem, pemantauan konflik kesihatan manusia-hidupan liar, kaedah diagnosis selamat dan cepat, pencegahan penyakit, pemuliharaan hidupan liar serta adaptasi pengurusan dan penyelidikan yang berterusan.

AHMAD Ismail ialah Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC).



SISTEM cukai mestilah adil, telus dan tidak membebankan golongan berpendapatan rendah.

Cukai buah-buahan import perlu adil, tidak membebankan

CADANGAN untuk mengenakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) ke atas buah-buahan import telah mencetuskan pelbagai reaksi daripada rakyat Malaysia. Ramai yang bimbang harga barangan akan naik, terutamanya dalam suasana kos sara hidup yang semakin meningkat.

Namun, di sebalik kebimbangan ini, cadangan tersebut membuka ruang untuk kita berbincang tentang perkara yang lebih besar, bagaimana dasar cukai boleh membantu sektor makanan tempatan, meningkatkan daya saing petani, dan mendorong inovasi dalam pertanian.

Cukai ke atas buah import mungkin dilihat sebagai usaha untuk melindungi hasil tempatan daripada persaingan luar yang lebih murah. Namun, kerajaan juga perlu memastikan buah tempatan mudah didapati, berkualiti tinggi dan mampu milik agar pengguna tidak terbeban.

Apa yang ramai tidak sedar ialah bahawa dasar cukai bukan sahaja mempengaruhi harga, tetapi juga membentuk bagaimana makanan kita dihasilkan, diproses dan sampai ke meja makan. Malah, dasar cukai boleh mendorong penggunaan teknologi baharu, meningkatkan hasil pertanian, dan menggalakkan amalan pertanian yang lebih lestari.

Sebagai contoh, jika kerajaan memberi pelepasan cukai atau insentif kepada petani yang melabur dalam peralatan moden, sistem pengairan cekap atau teknologi digital, mereka lebih cenderung untuk berubah kepada kaedah moden. Ini bukan sahaja meningkatkan produktiviti, malah mampu menarik golongan muda untuk menceburi bidang pertanian.

Di beberapa negara lain, kerajaan turut memberi pelepasan cukai kepada syarikat permulaan (*start-up*) atau syarikat yang menjalankan penyelidikan

dan pembangunan (R&D). Malaysia juga boleh mempertimbangkan langkah ini, terutamanya untuk menggalakkan pertanian yang mesra alam.

Dari sudut kestabilan pendapatan, petani sering menghadapi turun naik hasil pendapatan akibat faktor cuaca atau harga pasaran. Di negara seperti Australia dan Kanada, sistem purata cukai diperkenalkan, yang membolehkan petani mengagihkan pendapatan mereka secara lebih seimbang dalam beberapa tahun.

Ini membantu mereka merancang kewangan dengan lebih baik dan mengurangkan beban cukai tahunan. Dalam aspek kelestarian alam sekitar, cukai juga boleh digunakan untuk memberi ganjaran kepada amalan mesra alam dan mengenakan cukai lebih tinggi terhadap aktiviti yang mencemarkan. Contohnya, petani yang mengurangkan penggunaan baja kimia berlebihan boleh diberi insentif cukai, manakala penggunaan input yang mencemarkan boleh dikenakan kadar cukai lebih tinggi.

Apa yang penting, sistem cukai mestilah adil, telus dan tidak membebankan golongan berpendapatan rendah. Barang makanan asas seperti beras, minyak masak dan sayur-sayuran perlu kekal bebas cukai atau dikenakan kadar minimum. Perbincangan mengenai cukai buah-buahan ini memberi peluang kepada kita untuk menilai semula peranan sistem cukai dalam membina masa depan makanan negara. Jika dirancang dengan bijak, dasar cukai bukan sekadar alat pungutan hasil, tetapi juga pemacu utama untuk menjadikan sektor makanan kita lebih cekap, lestari dan inovatif.

AHMAD NIZAM CHE KASIM
Fakulti Perniagaan & Komunikasi
Universiti Malaysia Perlis